



**KAJIAN INI PENYEDIAAN APLIKASI MUDAH ALIH UNTUK
MEMANGGIL MEKANIK**

NUR FARHANAH BINTI JOHARI
(10DLS19F1009)

THIVYAH ^{A/p} R.URUMANAN
(10DLS19F1027)

MOHAMAD AQMAR HADI BIN MOHAMAH RIZA
(10DLS19F1037)

AHMAD NABIL BIN AHMAD KAHAR
(10DLS19F1050)

JABATAN PERDAGANGAN

1: 2021/2022



KAJIAN INI PENYEDIAAN APLIKASI MUDAH ALIH UNTUK
MEMANGGIL MEKANIK

NUR FARHANAH BINTI JOHARI
(10DLS19F1009)

THIVYAH ^{A/p} R.URUMANAN
(10DLS19F1027)

MOHAMAD AQMAR HADI BIN MOHAMAH RIZA
(10DLS19F1037)

AHMAD NABIL BIN AHMAD KAHAR
(10DLS19F1050)

Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai
memenuhi sebahagian syarat penganugerahan
Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan

JABATAN PERDAGANGAN

1: 2021/2022

**AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK KAJIAN PENYEDIAAN
APLIKASI MUDAH ALIH UNTUK MEMANGIL MEKANIK .**

1. Kami , NUR FARHANAH BINTI JOHARI (011019-01-0350) , THIVYAH A/p R.URUMANAN (000721-10-1646) , MOHAMAD AQMAR HADI BIN MOHAMAD RIZA (010911-02-1005) dan AHMAD NABIL BIN AHMAD KAHAR (010623-07-0339) adalah pelajar Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan , Politeknik Seberang Perai , yang beralamat di Jalan Permatang Pauh,13500 Permatang Pauh , Pulau Pinang.

2. Kami mengakui bahawa ‘Projek tersebut di atas’ dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah hasil karya / rekacipta asli kami tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak -pihak lain.

3. Kami bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek ‘Projek tersebut ’ kepada ‘ Politeknik tersebut ’ bagi memenuhi keperluan untuk penganugerahan Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut :

A) Tandatangan :



Nama : NUR FARHANAH BINTI JOHARI

No. Pendaftaran : 10DLS19F1009

NO.Kad Pengenalan : 011019-01-0350

B) Tandatangan : 

Nama : THIVYAH ^{A/p} R.URUMANAN
No. Pendaftaran : 10DLS19F1027
NO.Kad Pengenalan : 000721-10-1646

C) Tandatangan : 

Nama : MOHAMAD AQMAR HADI BIN MOHAMAD RIZA
No. Pendaftaran : 10DLS19F1037
NO.Kad Pengenalan : 010911-02-1005

D) Tandatangan : 

Nama : AHMAD NABIL BIN AHMAD KAHAR
No. Pendaftaran : 10DLS19F1050
NO.Kad Pengenalan : 010623-07-0339

Di hadapan saya ,

PN.FATIMAH BT SHUIB

Sebagai Penyelia Projek

Pada tarikh: 27/09/2021

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya kami dapat menyiapkan projek dan laporan pada masa yang telah ditetapkan. Dengan berkat, usaha gigih dan kerjasama dari semua ahli kumpulan kami, projek aplikasi mudah alih "*THE WORLD MECHANIC*" ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Setinggi penghargaan yang tidak terhingga kami ucapkan kepada Dr.Hjh.Nor Hasni bt Haron selaku pensyarah kursus kami dan Puan Fatimah bt Shuib selaku penyelia bagi projek aplikasi mudah alih "*THE WORLD MECHANIC*" kami kerana beliau telah banyak membantu dengan memberi tunjuk ajar, saranan dan penekanan serta memantau projek yang kami laksana agar berjalan dengan lancar.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi sokongan dan pendapat kepada kami dalam menyiapkan projek ini. Selain itu, tidak dilupakan kepada semua pensyarah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan projek ini.

Di kesempatan ini juga tidak dilupakan, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa kami dan seluruh ahli keluarga kami yang telah banyak memberi sokongan, dorongan dan semangat sepanjang projek ini dijalankan. Akhir sekali, terima kasih kepada sesiapa yang membantu kami dalam menyiapkan projek ini.

Sekian terima kasih.

ABSTRAK

Terdapat beberapa sebab kami memilih tajuk ini iaitu APLIKASI MUDAH ALIH UNTUK MEMANGGIL MEKANIK dan nama aplikasi mudah alih ini ialah “*THE WORLD MECHANIC*”. Aplikasi ini kami bangunkan untuk seluruh syarikat yang melakukan perkhidmatan penghantaran barangan dan makan. Contohnya, J&T, FOODPANDA, GRABFOOD, POS LAJU, McDelivery, dan lain-lain lagi. Manakala, masalah mereka ialah motosikal mereka sering berlakunya kerosakan secara tiba-tiba semasa mereka melakukan penghantaran. Jadi kami memutuskan untuk membantu mereka melalui aplikasi mudah alih. Aplikasi mudah alih ini adalah mudah untuk mencari mekanik tepat pada masanya tanpa membuang waktu berharga penghantar barangan dan makanan tersebut. Sama seperti objektif projek kami iaitu dapat menghasilkan sebuah perisian aplikasi yang mampu memudahkan penggunanya ketika berada dalam masalah. Selain itu, aplikasi mudah alih kami ini juga dapat mengurangkan masalah pesanan yang dihantar lambat oleh penghantar barangan dan makanan atas sebab membaiki kerosakan pada motosikal mereka. Ianya bermaksud, jika penghantar barangan dan makanan menggunakan perkhidmatan dari mekanik iaitu orang yang lebih pakar dalam membaiki motosikal ini, kemungkinan masa yang diperlukan untuk membaiki motosikal akan menjadi lebih pendek. Maka, dengan ini kes “Delay Delivery” dapat dielakkan, dan pesanan yang dipesan oleh pelanggan dapat dihantar pada waktu yang tepat.

Kata Kunci: Aplikasi mudah alih, Mekanik, Motosikal rosak

ABSTRACT

There are several reasons we chose this title which is MOBILE APPLICATION FOR CALLING MECHANIC and the name of this mobile application is "THE WORLD MECHANIC". This app we made for the whole company that does the delivery of goods and dining services. For example, J&T, FOODPANDA, GRABFOOD, POS LAJU, McDelivery, and many more. Meanwhile, their problem is that their motorcycles often break down suddenly while they are making deliveries. So we decided to help them through a mobile app. This mobile app makes it easy to find a mechanic on time without wasting valuable time shipping the goods and food. Just like the objective of our project which is to produce an application software that can facilitate its users when in trouble. In addition, our mobile application can also reduce the problem of orders sent late by shippers of goods and food due to repair damage to their motorcycles. This, chances are the time required to repair the motorcycle will be shorter. Thus, with this case of "Delay Delivery" can be avoided, and orders ordered by customers can be delivered on time.

Keywords: Mobile applications, Mechanics, broken motorcycles

SENARAI KANDUNGAN

Bab 1: Pengenalan

1.1	Pendahuluan.....	10
1.2	Latar Belakang Projek.....	11
1.3	Penyataan Masalah.....	12
1.3.1	Contoh Gambar.....	13
1.3.2	Contoh Gambar.....	13
1.4	Objektif Projek.....	14
1.5	Persoalan Projek.....	14
1.6	Justifikasi Projek.....	15
1.6.1	Justifikasi Analisis SWOT.....	15
1.6.2	Analisis SWOT.....	16
1.7.	Skop Projek.....	17
1.8	Kepentingan Projek.....	18
1.9	Takrifan Istilah.....	18
1. 10	Jadual Perancangan Cadangan Carta Gantt.....	19
1.11	Rumusan.....	19
1.12	Rujukan.....	20

Bab 2 Kajian Lapangan

2.1	Pendahuluan.....	20
2.2	Kajian Terdahulu / Ulasan /Siasatan	21
2.2.1	Contoh Gambar	22
2.3	Rumusan	23

Bab 3 Metodologi / Reka Bentuk

3.1	Pendahuluan.....	23
3.2	Reka Bentuk Projek	23
3.2.1.	Project Kaedah / Prosedur /Teknik Penghasilan Projek	24-27
3.2.2	Bahan Peralatan	27
3.2.3	Cara untuk mengendalikan Aplikasi.....	28-33
3.2.4	Kaedah Analisis	33

3.3	Rumusan	35
Bab 4 Dapatkan Kajian Dan Perbincangan		
4.1	Pendahuluan	36
4.2	Dapatkan Kajian /Pengujian	36
4.2.1	Analisa Dapatan Kajian Peringkat Pertama	36
4.2.2	Analisa Dapatan Kajian Peringkat Kedua (inovasi)	36
4.2.3	Analisa Dapatan Kajian Peringkat Kedua	37
4.2.4	Analisa Kewangan	37
4.2.5	Peletakan Harga Projek	38
4.3	Perbincangan	38
4.4	Rumusan	39
Bab 5 Kesimpulan Dan Cadangan		
5.1	Pendahuluan	39
5.2	Kesimpulan	39
5.3	Limitasi Projek	40
5.4	Cadangan	41,42
5.5	Rumusan	43,44

BAB 1: PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai masalah yang dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian.

Kajian ini berdasarkan ‘APPS’ atau dirujuk sebagai program aplikasi atau perisian aplikasi, ialah pakej perisian komputer yang melaksanakan fungsi tertentu secara langsung untuk pengguna akhir atau, dalam beberapa kes untuk aplikasi lain. Permohonan boleh menjadi serba lengkap atau sekumpulan program. Program ialah satu set operasi yang menjalankan aplikasi untuk pengguna. Jadi kami telah bersetuju membuat satu aplikasi ‘APPS’ untuk memanggil mekanik membaiki motosikal.

Tajuk projek kami adalah APLIKASI MUDAH ALIH UNTUK MEMANGGIL MEKANIK . Kami melakukan projek ini untuk seluruh penunggang motosikal, iaitu J&T, FOODPANDA , GRAP FOOD , MC DELIVERY, POS LAJU dan lain-lain Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan membuat kajian tentang masalah penunggang motosikal dan mencari penyelesaian . Maka, masalah yang dihadapi oleh semua penunggang adalah kerosakan kenderaan seperti tayar bocor, masalah enjin dan kegagalan altenator .

Selain itu, matlamat projek ialah membantu seluruh penunggang motosikal amnya untuk memudahkan mereka mendapatkan mekanik apabila diperlukan dengan segera. Oleh sebab itu, kami bercadang untuk membangunkan apps atau aplikasi ini untuk menyelesaikan masalah ini dengan idea -idea inovasi yang kreatif.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada era globalisasi ini, seperti mana yang kita dapat lihat negara kita telah diserang wabak iaitu COVID-19. Dengan itu, terdapat banyak sektor-sektor ekonomi yang terjejas akibat daripada wabak COVID-19. Seperti mana yang kita tahu industri perkhidmatan penghantaran makanan dan barang secara dalam talian di negara ini meningkat sama sekali berikutan penularan COVID-19 di negara kita, ianya telah mengubah cara hidup masyarakat kepada suasana norma baharu dimana kebanyakan aktiviti dilakukan secara dalam talian termasuklah pesanan makanan dan pembelian barangan keperluan. Kebanyakannya barangan yang dipesan dihantar menggunakan kemudahan motosikal.

Oleh yang demikian, kami telah menemubual beberapa orang penghantar makanan dan barangan, apakah masalah yang sering dihadapi semasa menghantar barangan kepada pelanggan. Mereka memberitahu bahawa mereka sering menghadapi masalah kerosakan motosikal semasa menghantar barangan atau makanan kepada pelanggan. Situasi yang dapat kita lihat dimana seringkali berlaku terhadap penghantar makanan ataupun penghantar barang seperti Foodpanda, Grab Food, McDelivery, JnT, Pos laju dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan e-hailing di Malaysia.

Dengan itu, kami telah bercadang untuk membina sebuah aplikasi untuk membantu mereka mendapatkan bantuan daripada bengkel yang berhampiran atau runner membaiki motosikal. Rata-rata mereka bersetuju dengan idea yang kami kemukakan dan mereka menyokong idea untuk membina aplikasi tersebut.

1.3 PENYATAAN MASALAH

Aplikasi mudah alih adalah sebuah perisian aplikasi direka untuk digunakan di peranti mudah alih seperti telefon pintar dan komputer tablet. Tujuan utama aplikasi mudah alih adalah sebagai sebuah perisian aplikasi penyelesaian masalah. Pada masa kini, aplikasi mudah alih merupakan sesebuah perisian yang amat penting. Semua orang menggunakan telefon pintar dan komputer tablet amat memerlukan aplikasi mudah alih ini untuk memudahkan rutin harian mereka seperti berkomunikasi, melakukan tugas dan sebagainya. Maka, semakin banyak kemudahan yang akan dihasilkan melalui aplikasi mudah alih untuk menyelesaikan masalah pengguna-pengguna yang memerlukannya. Dengan itu, kami ingin menghasilkan sebuah aplikasi mudah alih yang dapat menyelesaikan masalah yang sering berlaku dalam bidang logistik ini.


Hasil daripada kajian kami, terdapat beberapa masalah yang dialami oleh penghantar barangan dan makanan di seluruh Malaysia berkaitan dengan kenderaan yang digunakan semasa mereka melakukan penghantaran barangan dan makanan. Masalah utama mereka ialah motosikal mereka sering berlakunya kerosakan secara tiba-tiba semasa mereka melakukan penghantaran. Jadi salah seorang penghantar barangan dan makanan ini meminta kami untuk mencipta sesuatu yang boleh memudahkan kerja mereka jika masalah seperti ini berlaku. Mereka juga meminta kami untuk menghasilkan sesuatu yang akan bertindak pantas dan cekap kerana mereka tidak mahu membiarkan pelanggan menunggu ketibaan mereka terlalu lama.

Masalah seterusnya ialah, mereka memberitahu bahawa syarikat mereka sama sekali tidak akan bertanggungjawab atas kerosakan yang berlaku pada motosikal mereka kerana kenderaan itu milik persendirian bukannya milik syarikat. Disebabkan syarikat mereka tidak akan menanggung kos kerosakan pada motosikal yang hendak dibaiki, mereka meminta untuk kami membuat sesuatu yang dapat mengurangkan kos pembayaran mereka terhadap motosikal yang telah dibaiki.

Rajah 1.3.1 dan rajah 1.3.2 ialah bukti masalah yang penghantar makanan dan barangan sering hadapi.



Rajah 1.3.1



Rajah 1.3.2

1.4 OBJEKTIF PROJEK

Objektif projek ini adalah untuk:

- Mengurangkan masalah pesanan yang dihantar lambat oleh penghantar barangan dan makanan atas sebab membaiki kerosakan pada motosikal mereka.
- Menghasilkan sebuah perisian aplikasi yang dapat memudahkan penggunanya ketika berada dalam masalah.

1.5 PERSOALAN PROJEK

Ada beberapa persoalan yang wujud apabila aplikasi mudah alih untuk memanggil mekanik ini ditubuhkan , antaranya ialah :

- Berapakah kos untuk mengupah mekanik untuk membaiki motosikal rider ?
- Adakah situasi membaiki motosikal di tepi jalan raya tidak membahayakan keselamatan jalan raya?
- Berapa lamakah masa yang diambil oleh mekanik untuk membaiki motosikal rider yang rosak?
- Bagaimana mekanik ingin mengetahui lokasi motosikal rider yang rosak?
- Jika keadaan cuaca hujan lebat tentu ramai rider akan mengalami kerosakan pada motosikal mereka, persoalannya adakah mekanik mencukupi untuk membaiki semua motosikal rider yang telah rosak apabila musim hujan?

Ini adalah beberapa persoalan yang wujud apabila aplikasi mudah alih memanggil mekanik ditubuhkan. Persoalan ini akan membuatkan pihak kami cuba menemukan jawapan untuk memudahkan rider rider menjalankan kerja dan menggunakan tenaga mekanik di Malaysia.

1.6 JUSTIFIKASI PROJEK

Kajian ini dilakukan ke atas seluruh syarikat yang menjalankan perkhidmatan penghantaran barangan dan makanan. Contohnya ialah, J&T, FOOD PANDA, POST LAJU, MC DELIVERY GRAPFOOD dan lain-lain. Sebab utama kami memilih syarikat-syarikat tersebut kerana, semasa proses penghantaran makanan atau barang mereka, terdapat banyak masalah yang dihadapi. Oleh itu, kami cuba menyelesaikan masalah mereka dengan membangunkan aplikasi kami .

Selain itu, Pemilihan dalam membina aplikasi mudah alih “*The World Mechanic*” ini dipilih berdasarkan kajian yang dijalankan di atas permasalahan yang dihadapi oleh penghantar barangan dan makanan. Kami telah bercadang untuk merealisasikan aplikasi mudah alih “*The World Mechanic*” bagi memudahkan kerja penghantar barangan dan makanan untuk tidak perlu membuang masa mencari bengkel motosikal yang berdekatan dengan mereka. Sebelum adanya “*The World Mechanic*” ini, selalu terjadinya kes “Delay Delivery” atas sebab motosikal mereka tiba-tiba menghadapi kerosakan semasa sedang menghantar pesanan yang di pesan oleh pelanggan. Maka, dengan adanya “*The World Mechanic*” ini, ianya akan membuat kerja menghantar pesanan kepada pelanggan lebih pantas dan cekap

1.6.1 JUSTIFIKASI ANALISIS SWOT

Untuk membuktikan atau memastikan kajian ini lebih kukuh, pihak pengkaji menyediakan analisis SWOT untuk menambah baik maklumat yang kami perolehi. Perkataan SWOT ini adalah singkatan kepada (S) strength iaitu kekuatan, (W) weak iaitu kelemahan, (O) opportunities iaitu peluang, dan (T) threats iaitu ancaman. Dengan SWOT analisis ini dapat menganalisis maklumat dengan lebih terperinci dan dapat memastikan apakah kelebihan dan keburukan sesuatu projek. Proses analisis SWOT ini juga dapat diterapkan pada organisasi, individu, atau pasukan untuk menetapkan objektif untuk perancangan yang strategik. Ia juga salah satu kaedah yang mudah yang dapat dijalankan dalam jangka masa yang pendek. Analisis SWOT ini juga dapat menilai kedudukan persaingan semasa syarikat, dan analisis ini menilai

faktor dalaman dan luaran dan potensi masa hadapan. Oleh itu, dapat dilihat bahawa analisis SWOT dalam perniagaan adalah kerangka kerja yang mudah tetapi berguna yang membantu organisasi untuk memusatkan perhatian pada kelemahan mereka, membangun kekuatan mereka, mengurangkan ancaman dan memanfaatkan peluang yang ada pada mereka. Ini juga dapat digunakan untuk menyiapkan strategi "kick-off" dari setiap projek atau produk baru. Ia juga dapat digunakan untuk melakukan analisis pesaing, yang dapat memberikan wawasan strategi bagi organisasi untuk membuat posisi kompetitif yang berhasil. Jadual dibawah merupakan SWOT Analysis yang dibuat berdasarkan projek yang kami buat iaitu aplikasi mudah alih untuk memanggil mekanik yang bernama "The World Mechanic".

ANALISIS SWOT

S (STRENGTH)	W (WEAK)	O (OPPORTUNITY)	T (THREATS)
<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dapat digunakan oleh semua penghantar barangan dan makanan yang terdapat di Malaysia. ➤ Mudah untuk digunakan oleh pengguna. ➤ Diskaun pembayaran akan 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Aplikasi ini menggunakan internet, jika tiada internet. Pengguna tidak dapat menggunakan aplikasi ini. 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Aplikasi mudah alih ini masih baru. Di "Google Play Store" masih belum ada aplikasi mudah alih seperti ini. Yang terdapat buat masa sekarang hanyalah aplikasi mekanik untuk 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pesaing akan meniru konsep aplikasi mudah alih kami dan mewujudkan aplikasi baru buatan mereka.

<p>diberi kepada semua penghantar barangan dan makanan yang menggunakan aplikasi mudah alih ini.</p>		<p>kereta sahaja. Untuk motosikal masih belum ada.</p> <p>➤ Aplikasi mudah alih ini berpeluang untuk dibeli oleh syarikat-syarikat besar di Malaysia ataupun luar negara.</p>	
--	--	---	--

1.7 SKOP PROJEK

Skop kajian ini memfokuskan kepada masalah yang dihadapi oleh seluruh penghantar makanan dan barangan semasa bekerja. Oleh itu, produk kami iaitu aplikasi mudah alih untuk memanggil mekanik ini digunakan bagi menyelesaikan masalah mereka, ianya dapat mengurangkan masalah pesanan yang dihantar lambat dan ianya juga dapat memudahkan pengguna untuk mencari mekanik tepat pada masanya .

1.8 KEPENTINGAN PROJEK

- a) Memudahkan kerja pengguna. Dengan adanya aplikasi mudah alih ini, pengguna tidak perlu membuang masa berharga mereka untuk membawa motosikal yang rosak itu ke bengkel.
- b) Aplikasi ini dapat digunakan untuk semua penghantar barangan dan makanan dari semua syarikat yang menyediakan perkhidmatan pos, kurier dan penghantaran makanan di seluruh Malaysia.
- c) Mudah untuk digunakan.
- d) Memberikan faedah kepada semua pihak yang terlibat.

1.9 TAKRIFAN ISTILAH

Untuk pengetahuan umum, mekanik ialah seseorang yang mahir dalam bidang menggunakan perkakasan bagi menyenggara jentera atau mesin. Seseorang yang bergelar mekanik perlulah mempunyai guru yang berbakat dan berpengalaman dalam bidang ini supaya benda yang dibaiki akan berjaya dibaiki. Mekanik adalah bidang yang penting didalam negara kita .

Tujuan aplikasi mudah alih memanggil mekanik ini ialah untuk memudahkan penghantar barangan dan makanan apabila mengalami kerosakan motosikal mereka. Jadi, dengan keadaan itu kita memerlukan mekanik yang handal dan berpengalaman untuk membaiki motosikal penghantar barangan dan makanan yang rosak supaya aktiviti membaiki motosikal tersebut berjalan dengan lancar , cepat dan selamat .

Dengan itu , aplikasi mudah alih ini akan mampu untuk mencapai objektif yang dikehendaki dan berguna pada masa akan datang .

1.10 JADUAL PERANCANGAN CADANGAN CARTA GANTT

POLITEKNIK MALAYSIA SEREMBANG PERAI

DPB 60183 GANTT CHART 1 2021/ 2022 SESSION

CONTENT	DATE/WEEK															
	01/03-07/03	27/09-01/10	04/10-08/10	11/10-15/10	18/10-22/10	25/10-29/10	01/11-05/11	08/11-12/11	15/11-19/11	22/11-26/11	29/11-03/12	06/12-10/12	13/12-17/12	20/12-24/12	27/12-31/12	03/01-07/01/2023
	W1	W2	W3	W4	W5	W6	W7	W8	W9	W10	W11	W12	W13	W14		
1.0 INTRODUCTION TO BUSINESS PROJECT																
Introduction to types of project which can be implemented in the business field	R					P	M								V	F
Formation of groups	E					R	I								I	I
Prepare the supplementary materials	G					O	D								V	N
2.0 PROJECT SELECTION AND PLANNING						P									A	A
Propose a suitable topic for the project	T					O	S									L
Produce new innovation for business products/services	R					S	E								P	
Prepare elements of situational analysis	A					A	M								R	S
3.0 PRESENTATION OF PROJECT PROPOSAL						L	E								E	U
Develop the title of project, introduction, business problems or issues, objective, justification of project selection & scope of project	T					S									S	B
Explain the contents of project proposal	I					T									A	M
Construct a Gantt chart (time frame)	O					E									N	I
Apply the writing format	N					R									T	S
4.0 PROJECT IMPLEMENTATION						A									A	S
Accomplish Business Project within the time frame						P	B								T	I
Describe the project over view	W					R	R								I	O
Identify problems/ issues of business.	E					E	E								O	N
Conduct situational analysis:SWOT/PEST/BCG/Porter 5 Forces analysis or any other methods.	E					S	A								N	
Recognize background and current business situation.	K					A	K									
Conduct data analysis and interpretation.						N										
Write recommendations and suggestions to address the issues						T										
5.0 BUSINESS PROJECT REPORT						A										
Identify the requirements to produce a complete report						T										
Prepare a report based on the given business project format						I										
State the description of the project						O										
State the findings and results.						N										
Summarize the project results.																
Recommend suitable suggestions and solutions to address the business issue.																
Create data visualization to present the results																
Organize drawings, sketches, graphs, calculations and other supporting data or documents.																
List the references used in producing the report.																
6.0 BUSINESS PROJECT PRESENTATION																
Demonstrate a capacity to communicate project results through oral presentation using multimedia audio visual aids.																
Demonstrate a capacity to communicate project result																
Create effective visual aids to enhance presentation																
Demonstrate effective's application of multimedia audio visual aids																
Show the viability of the proposed solutions to address the business issue																

1.11 RUMUSAN

Di dalam bab ini, terdapat beberapa maklumat mengenai penyataan masalah projek dan tujuan projek ini dijalankan. Selain itu, objektif untuk menjalankan projek ini adalah jelas untuk membantu masalah yang dihadapi oleh penghantar makanan dan penghantar barang dalam menjalankan kerja mereka apabila berlakunya kerosakan terhadap motosikal mereka agar ia menjadi lebih mudah dan mempercepatkan urusan kerja mereka supaya pelanggan berpuas hati.

1.12 RUJUKAN

- i. <https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2019/07/15/motor-abang-foodpanda-rosak>
- ii. https://www.youtube.com/results?search_query=grab+rider+motor+rosak
- iii. <https://ms.know-base.net/7578497-swot-analysis>
- iv. <https://www.pomenapp.com/lebih-100-bengkel-500-mekanik-berdaftar-dengan-pomen/>
- v. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/70269/carbengkel-mudahkan-pencarian-bengkel-baiki-kenderaan>
- vi. Buku log

BAB 2 : KAJIAN LAPANGAN

2.1 PENDAHULUAN

Pada era moden, manusia semakin banyak mencipta aplikasi mudah alih yang unik dan mempunyai pelbagai jenis fungsi. Oleh itu, untuk menghasilkan aplikasi mudah alih haruslah membuat kajian secara mendalam. Semakan kesusasteraan adalah rujukan dan panduan yang digunakan untuk memastikan perisian aplikasi dibina untuk memenuhi spesifikasi yang terdapat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan memenuhi keperluan pengguna sekarang agar dapat dikomersial di dalam dan luar negara.

Pada permulaan kajian, perancangan dibuat untuk memastikan keperluan untuk membina perisian aplikasi akan dipenuhi. Usaha dalam mencari bahan rujukan adalah satu faktor yang penting bagi menjamin keberkesanan keseluruhan projek dan laporan yang perlu disiapkan. Maka dengan ini, beberapa maklumat berkaitan projek telah


dicari dan dikumpulkan agar projek ini dikenali dan dapat berfungsi dengan baik. Hasil kajian akan diproses dan diterapkan di dalam idea dan perancangan untuk memenuhi spesifikasi yang tepat dan memenuhi keperluan projek diploma.

2.2 KAJIAN TERDAHULU / ULASAN /SIASATAN


Terdapat beberapa jenis aplikasi mudah alih yang menyediakan mekanik ataupun servis untuk kenderaan. Masing-masing mempunyai kelebihan dan spesifikasi yang berbeza. Ada juga pihak-pihak yang mengeluarkan aplikasi mudah alih yang lebih hebat dan canggih tetapi itu hanya iklan semata-mata kerana canggih akan membuatkan kos sebuah aplikasi mudah alih menjadi terlalu mahal dan tidak mampu untuk mana-mana syarikat kecil membelinya. Oleh itu, pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan untuk membina aplikasi mudah alih perlu membuat penyelidikan untuk menghasilkan penyelesaian dengan membina aplikasi mudah alih yang sesuai dengan suasana dan apa yang diperlukan oleh pengguna.

Aplikasi mudah alih tersebut tidak sesuai jika dibina terlalu canggih kerana ianya memerlukan kos yang tinggi untuk mendapatkan sebuah aplikasi mudah alih seperti itu. Aplikasi mudah alih tersebut hanya mampu dibeli oleh syarikat-syarikat besar sahaja. Bagaimanapun, penghasilan aplikasi mudah alih tersebut tidak semudah yang disangka kerana selain daripada faktor menyelesaikan masalah dan meringankan beban pengguna, faktor kualiti juga perlu diambil kira. Ini kerana aplikasi mudah alih yang terlalu mahal dan tidak dapat mengekalkan kualiti seperti diusahakan secara manual tidak akan diterima. Kami mengambil inisiatif untuk membangunkan projek itu dengan mempertimbangkan semua faktor tersebut.

Rajah 2.2.1, rajah 2.2.2, rajah 2.2.3 dan rajah 2.2.4 di bawah ialah contoh aplikasi mudah alih yang menyediakan perkhidmatan membaiki kereta yang bernama “*GoMechanic*”.




Rajah 2.2.1



Rajah 2.2.2



Rajah 2.2.3



Rajah 2.2.4

2.4 RUMUSAN BAB

Kesimpulannya, bab ini menceritakan tentang konsep atau teori dan kajian terdahulu yang berkenaan dengan aplikasi mudah alih kami yang bernama “*The World Mechanic*”. Di dalam kajian terdahulu, terdapat satu jenis aplikasi mudah alih yang berbeza konsep daripada projek kami. Kami dapati daripada rujukan tersebut, terdapat beberapa teknik dan konsep yang boleh digunakan dalam menghasilkan projek ini. Perancangan yang sistematik tentang konsep atau teori dalam menghasilkan projek juga memainkan peranan untuk mendapatkan projek yang beroperasi dengan lancar dan mempunyai susunan idea yang teratur.

BAB 3: METODOLOGI / REKA BENTUK

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, kajian ini akan menerangkan tentang prosedur untuk membangunkan aplikasi “*The World Mechanic*” . Kemudian penjelasan mengenai penyelidikan merangkumi persampelan, teknik pengumpulan maklumat yang digunakan dalam kajian ini.

3.2 REKA BENTUK PROJEK

Dalam Aplikasi The World Mechanic ini terdapat beberapa proses untuk membangunkan dan cara untuk mengendalikan aplikasi ini .Selain itu proses membangunkan aplikasi,ini terdapat beberapa langkah perlu dijalankan seperti berikut :


3.2.1 Projek KAEDAH / PROSEDUR / TEKNIK PENGHASILAN PROJEK

LANGKAH 1


Kami Mengumpul semua maklumat daripada internet and temu bual penunggang untuk mengetahui masalah yang dihadapinya. Masalah tersebut dicatat dan kami akan menyelesaikan masalah tersebut dengan membangunkan satu aplikasi.

LANGKAH 2


Kita merancangkan “Storyboard”sebelum membangunkan aplikasi the world Mechanic .Storyboard ini merupakan satu alat yang di gunakan untuk “Pre-view”project aplikasi kita satu persatu .



Rajah 3.2.1.1




Rajah 3.2.1.2



Rajah 3.2.1.3

LANGKAH 3


Melayari laman web mengenai perkembangan aplikasi. Oleh sebab itu laman web memerlukan akaun yang aktif untuk membuat pengembangan aplikasi di laman web tersebut serta boleh terus memilih untuk mencipta aplikasi yang diinginkan.



Rajah 3.2.1.4

LANGKAH 4

Mulakan dengan merancang “About us” aplikasi dan buat butang fungsi aplikasi untuk digunakan oleh semua penunggang .



Rajah 3.2.1.5

LANGKAH 5

Sebaik sahaja pembangunan aplikasi selesai. Bermulalah dengan menerbitkan aplikasi untuk menguji sama ada aplikasi berjalan dengan lancar.

3.2.2 BAHAN PERALATAN


Kami mengguna laman APK untuk membangunkan aplikasi The world Mechanic . Laman APK ini tidak memerlukan kos untuk membangunkan aplikasi. APK ini memudahkan Kita untuk membangunkan sesuatu aplikasi berdasarkan kreativiti dan kepuasan kita sendiri.

- I. Komputer riba – Diperlukan untuk merancang aplikasi ini semasa proses pembangunan aplikasi.
- II. Sambungan internet - Diperlukan untuk melayari laman web dan membangunkan aplikasi.
- III. Telefon Pintar - Diperlukan untuk menguji aplikasi ini sama ada ia akan dapat berfungsi dengan baik atau tidak.


3.2.3 “The World Mechanic Apps”- CARA UNTUK MENGENDALIKAN APLIKASI MUDAH ALIH “THE WORLD MECHANIC APP S” :

LANGKAH 1

Langkah pertama .Muat turun aplikasi mudah alih “The World Mechanic” . Selepas itu , kita akan jumpa 3 halaman pertama dan tekan “next”. Untuk halaman seterusnya .Seperti gambar di bawah



Rajah 3.2.3.1




Rajah 3.2.3.2




Rajah 3.2.3.4

LANGKAH 2

Langkah seterusnya adalah pengguna harus mendaftar dalam aplikasi dan wajib mengisi nama , email, kata laluan , no telefon , gambar , masalah yang di hadapi dan harus memiliki diri sebagai penunggang atau pun mekanik , selepas pengguna membuat pendaftaran diri , pengguna boleh login semula dengan email dan kata laluan .




Rajah 3.2.3.5



Rajah 3.2.3.6

LANGKAH 3


Alamat seterusnya pengguna harus klik simbol “location” semasa mengalami masalah .
Selepas itu pengguna akan menjumpai senarai mekanik yang masih terdekat .




Rajah 3.2.3.7

LANGKAH 4


Pengguna haruslah memiliki mekanik yang terdekat . Selepas memilih , pengguna boleh berhubung dengan mekanik seperti membuat panggilan “*telephone*” , “*chatting*” dan “*location*”.




Rajah 3.2.3.8



Rajah 3.2.3.9




Rajah 3.2.3.10



Rajah 3.2.3.11

LANGKAH 5

Pengguna juga boleh mengubahsuai personal data dengan klik "*profile*"



Rajah 3.2.3.12

3.2.4 KAEDAH ANALISIS

Kaedah analisis data adalah tahap proses penyelidikan di mana data yang telah di kumpulkan dapat diproses dan mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, data-data yang di kumpul di analisis menggunakan analisis SWOT (strengths, weaknesses, opportunities, threats) .Kaedah analisis SWOT adalah kaedah yang sangat sederhana, namun sangat membantu untuk mengembangkan strategi inovasi supaya dijadikan yang lebih baik dalam penggunaan maklumat.

Pengkaji menggunakan analisis SWOT untuk membuat perubahan dan tindak balas terhadap persekitaran yang proaktif. Kaedah analisis SWOT merupakan kaedah yang digunakan untuk memahami kekuatan dan kelebihan dalam penciptaan sesuatu produk inovasi. Di sini dapat dijelaskan bahawa kaedah

ini juga boleh digunakan untuk mengenal pasti peluang dan ancaman yang bakal dihadapi.

Tujuan pengkaji menggunakan kaedah analisis SWOT adalah untuk menambah baik segala faktor yang ada untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang ada dengan tindakan membetulkan kelemahan tersebut. Seterusnya adalah untuk meneroka peluang bagi melaksanakan strategi yang baik dan mengenal pasti ancaman yang akan dihadapi dengan mengambil langkah untuk mengurangkannya. Analisis SWOT adalah singkatan daripada Strengths (kekuatan), Weaknesses (kelemahan), Opportunities (peluang), dan Threats (ancaman).

Definisi Strengths (kekuatan) menggambarkan sifat positif sama ada yang boleh diukur atau tidak boleh diukur yang terdapat di dalam organisasi yang berada di dalam kawalan. Seterusnya, Weakness (kelemahan) ialah perkara yang member kesan negatif yang perlu dititik beratkan supaya dapat mencapai matlamat yang baik dan dapat mencukupi sumber-sumber yang diperlukan. Yang ketiga, Opportunities (peluang) adalah faktor luaran yang positif yang boleh membantu meningkatkan prestasi sesebuah inovasi maklumat.

Akhir sekali Threats (Ancaman) ialah factor luaran yang berada di luar kawalan yang boleh menyebabkan strategi akan terganggu atau bermasalah. Kedah ini tidak oleh dikawal tetapi rancangan luar jangka boleh membantu untuk berhadapan dengan keadaan sekiranya ia berlaku.

Pemilihan untuk kaedah analisis SWOT adalah memainkan peranan penting untuk mengenalpasti tanda aras dalam menambahbaikkan strategi pengurusan, penciptaan produk dan perkhidmatan disamping persediaan terhadap sebarang aspek cabaran dan kemungkinan. Dalam menjalankan analisis SWOT, pengkaji dapat menilai kedudukan semasa dan dapat membandingkan antara peluang dan risiko pada masa hadapan.

Analisis SWOT merupakan kaedah yang sangat berguna untuk membantu dalam mencapai sesuatu objektif atau matlamat keberkesanan dan ianya merupakan satu alat yang secara umumnya digunakan sebagai asas atau peringkat permulaan

bagi membuat keputusan menghala ke arah perancangan strategik. Selain itu juga teknik secara berkumpulan yang lebih efektif dan berkesan bagi menyediakan objektif, struktur, penerangan dan perbincangan secara berfokus.

Kelebihan dalam pengguna analisis SWOT adalah dapat menerapkan pada organisasi bagi menetapkan objektif untuk perancangan strategik. Di samping itu, ia memerlukan gabungan maklumat kualitatif dan kuantitatif iaitu akhirnya memerlukan integrasi data dari pelbagai sumber yang membantu meningkatkan perancangan peringkat inovasi. Kaedah analisis SWOT adalah mudah dan dapat dijalankan dalam jangka masa yang lebih pendek berbanding teknik penyelesaian masalah yang lain.

Hal ini dapat membantu untuk mengenalpasti kecekapan teras di dalam sesebuah organisasi. Seterusnya, dapat membantu dalam jangkaan pada masa lalu, masa kini, dan masa hadapan seperti maklumat masa lalu dan semasa yang dapat digunakan untuk menyusun sesuatu rancangan. Ia juga dapat membantu mengembangkan lagi strategi untuk mencapai matlamat yang lebih baik.

3.3 RUMUSAN

Kesimpulannya, pada bab ini ia lebih memfokuskan reka bentuk aplikasi, proses-proses pembangunan aplikasi, kajian rintis, penambahbaikan aplikasi, Analisis keberkesanan aplikasi. Selain itu, pada bab ini juga, kami berjaya menghasilkan pelbagai analisis untuk memastikan aplikasi ini berjalan dengan sempurna dan dapat diterima oleh para penghantar makanan dan barangan di Malaysia. Akhir sekali, kami juga telah mensasarkan pengguna aplikasi The World Mechanic bukan sahaja yang terdiri daripada penghantar makanan dan barangan di Malaysia seperti Foodpanda, Grabfood, Lala move, JnT dan sebagainya malah kepada semua pengguna motosikal di jalan raya.

BAB 4 :DAPATKAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menceritakan tentang analisis projek dan dapatan kajian projek yang telah dibuat. Di dalam bab ini juga akan diterangkan tentang analisis situasi, analisis kewangan, kos penghasilan projek, justifikasi dan target pengguna. Di dalam analisis projek ini akan menceritakan tentang penyelidikan bagi aplikasi “*The World Mechanic*” . Seterusnya, analisis kewangan untuk projek penghasilan aplikasi “*The World Mechanic*”.

4.2 DAPATKAN KAJIAN / PENGUJIAN

Aplikasi “*The World Mechanic*” yang dibina oleh kami ini dapat memudahkan dan menjimatkan masa penghantar makanan dan barangan apabila berlaku kerosakkan motosikal semasa melakukan tugas menghantar kepada pelanggan mereka. Ini kerana, mereka tidak perlu susah payah untuk mencari bengkel untuk membaiki kerana dengan menggunakan aplikasi ini mereka hanya perlu mengakses bengkel yang berdekatan dan boleh menghubungi bengkel tersebut.

4.2.1 ANALISA DAPATAN KAJIAN PERINGKAT PERTAMA

Pengkaji menghasilkan Aplikasi “*The World Mechanic*” dengan menggunakan bahan-bahan seperti “*user requirement study*”, “*Application Programming Interface*”, “*Google Flutter*” dan lain lain. Aplikasi “*The World Mechanic*” di bina dan digunakan oleh penghantaran makanan dan barangan semasa melakukan kerja menghantar kepada pelanggan. Penambahbaikan yang telah kami lakukan ke atas aplikasi ini adalah kami meningkatkan mutu grafik supaya lebih menarik dan mengikut trend terkini. Hal ini akan meningkatkan kualiti aplikasi yang dicipta. Dan sesuai dengan keadaan sekarang yang di mana semua di hujung jari.

4.2.2 ANALISA DAPATAN KAJIAN PERINGKAT KEDUA (INOVASI)

Aplikasi “*The World Mechanic*” berjaya dibina dan aplikasi tersebut akan digunakan oleh penghantar makanan dan barangan di seluruh Malaysia. Harap penghantar makanan dan barangan dapat menggunakan aplikasi ini dengan cara yang betul dan tepat daripada aplikasi ini kerana dengan ciri-ciri yang ada pada aplikasi dapat membantu mereka dari segi dapat jimatkan masa dan tenaga di mana apabila berlakunya kerosakkan motosikal mereka semasa di jalan raya.

4.2.3 ANALISA DAPATAN KAJIAN PERINGKAT KEDUA

Hasil daripada maklumat Inovasi Fasa 1. Masalah kedua mengenai aplikasi ialah tentang aplikasi hanya boleh di akses melalui peranti android. Oleh itu aplikasi *The World Mechanic* di baik pulih dengan pengguna iOS mampu mengakses dan memuat turun aplikasi ini. Hal ini dari segi pengaksesan dapat diselesaikan. Selain itu, kami mengemaskini dari segi maklumat untuk akses yang lebih memudahkan pengguna untuk akses.

4.2.4 ANALISA KEWANGAN

Kos penghasilan produk diambil kira berdasarkan daripada setiap bahan-bahan input yang diperlukan di dalam proses pembuatan bahan inovasi. Bahan-bahan input telah disenaraikan dan dinyatakan secara kos per unit yang terlibat dalam penghasilan aplikasi ini. Sebelum mengambil kira jumlah kos penghasilan projek per unit. Perbandingan kos dalam pembuatan aplikasi “*The World Mechanic*” semasa di peringkat pertama dan aplikasi “*The World Mechanic*” semasa di peringkat kedua adalah seperti dalam jadual di bawah.

BIL	BUTIRAN	KOS(RM)
1	Aplikasi (coding,serve database)	600
2	Module User -Sign Up	150

	-Sign In	
3	Module Mechanic	100
4	Wifi	100
	Jumlah Kos	950

4.2.5 PERLETAKKAN HARGA PROJEK

Setelah kos penghasilan projek per unit ini dikira, untuk meletakkan harga bagi aplikasi The World Mechanic ditentukan bagi kos dihasilkan. Kos pembuatan sebanyak RM 600 telah dikeluarkan pada peringkat pertama dan seterusnya di peringkat kedua berjumlah RM 350 bagi penambahbaikan projek. Jumlah bagi kedua-dua peringkat menelan kos sebanyak RM 950 bagi menghasilkan aplikasi “*The World Mechanic*”. Harga bagi aplikasi “*The World Mechanic*” selepas meletakkan 40% adalah sebanyak RM 1,330 setelah dibincangkan dan ditentukan oleh pihak kami berdasarkan kualiti teknologi yang digunakan. Selain itu, inovasi ini menggunakan teknologi yang mudah digunakan dalam pembuatan aplikasi dengan mengikut peredaran pada masa kini.

4.3 PERBINCANGAN

Selepas perbincangan, dengan adanya Aplikasi ini, penunggang motosikal dapat memperbaiki kenderaan yang rosak semasa dalam perjalanan. Selepas itu, mekanik motor tidak perlu bimbang dengan pelanggan yang kurang kerana melalui aplikasi ini mekanik mendapat peluang pekerjaan pada bila-bila masa. Sebaliknya, kelemahan utama mengakses aplikasi adalah kadang kadang liputan internet tidak dapat menyempurnakan muat turun tersebut. Tambahan pula, masalah yang sering dihadapi oleh aplikasi The World Mechanic adalah ia hanya boleh digunakan oleh telefon pintar android sahaja kerana telefon pintar iphone akan menyekat aplikasi yang tidak dikenali kerana ia merupakan sistem "iOS".

4.4 RUMUSAN

Secara rumusannya, bab keempat membincangkan mengenai analisis projek perniagaan dan dapatan kajian. Kajian ini akan menerangkan tentang analisis kewangan, analisis situasi, kos penghasilan projek, kos penghasilan projek per unit, justifikasi kos pelaksanaan projek, impak produk dan pengkomersilan target pengguna. Analisis situasi yang melibatkan analisis dapatan kajian. Maka, tujuan bagi melaksanakan kajian ini adalah untuk mengenalpasti kelebihan dan kekurangan aplikasi yang kami bina ini. Oleh itu, melalui kajian ini aplikasi The World Mechanic dapat membantu penghantar makanan dan barangan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi apabila berlaku kerosakan motosikal semasa melakukan kerja dan dapat menjimat masa dan tenaga mereka. Dalam kajian ini, penggunaan aplikasi ini telah memberi maklum balas yang positif kepada kami apabila menggunakan aplikasi ini dan mereka memuji aplikasi ini kerana sangat membantu mereka.

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang kesimpulan dan cadangan daripada projek yang telah dijalankan. Bab ini mengandungi kesimpulan dari keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT. Ini adalah untuk menghasilkan cadangan dan juga menambah baik dalam kajian ini. Kajian ini juga dapat menjana idea baharu berdasarkan dapatan dalam kajian. Signifikan kajian dan implikasi terhadap bidang projek inovasi juga turut dinyatakan.

5.2 KESIMPULAN

Penggunaan aplikasi "*THE WORLD MECHANIC*" mempunyai ada kelebihan. Kelebihan aplikasi inovasi ini ialah penunggang boleh memudahkan kerja mereka. Dengan adanya aplikasi mudah alih ini, penunggang tidak perlu membuang masa berharga mereka untuk membawa motosikal yang rosak itu ke bengkel. . Oleh

itu, antara keistimewaan aplikasi ini ialah, ianya mudah untuk memanggil mekanik pada masa yang diperlukan dengan cepat dan mereka boleh melaksanakan tugas dengan cepat.

Seterusnya, kelemahan dari segi kekurangan ciri-ciri dalam aplikasi ini tetapi dibangunkan untuk membantu memudahkan semua penunggang kerja. Aplikasi “*The World Mechanic*” dalam menyelesaikan masalah mereka iaitu kerosakan motosikal semasa menghantar barangan atau makanan kepada pelanggan. Aplikasi ini dicipta menggunakan platform APK installer iaitu platform untuk mencipta aplikasi yang diinginkan. Aplikasi “The World Mechanic” ini diharap memudahkan seluruh penunggang kerja dengan baik dan secepat .

SWOT

STRENGTH	➤ Aplikasi ini Boleh digunakan oleh semua pengangkut barangan dan makanan yang boleh diakses di Malaysia
WEAK	➤ Aplikasi ini menggunakan internet sahaja , jika tiada internet mereka tak boleh guna aplikasi ini .
OPPORTUNITY	➤ Aplikasi The World Mechanic ini berpeluang untuk dibeli oleh syarikat – syarikat besar di Malaysia ataupun luar negara .
THREATS	➤ Pencabar akan menyalin idea aplikasi mudah alih kami dan membuat aplikasi baharu melalui usaha mereka sendiri.

5.3 LIMITASI PROJEK

Kajian ini difokuskan kepada masalah motosikal penghantar makanan dan barangan yang mengalami kerosakan semasa melakukan penghantaran pesanan yang di pesan oleh pelanggan. Kekangan yang kami lalui ialah dari segi kos, projek ini kosnya amat tinggi untuk membina sebuah aplikasi mudah alih yang bernama “*The World Mechanic*” . Bagi merealisasikan idea kami kepada realiti kami memerlukan bantuan dan tunjuk ajar dari pihak yang pakar tentang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Selain itu, kami juga tidak mempunyai ilmu asas tentang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk membuat aplikasi mudah alih ini, maka sebab itulah kami memerlukan pertolongan daripada pihak yang pakar. Tambahan lagi, dari segi penyelenggaraan projek ini agak sukar untuk dikendalikan serta diselenggara dan ianya memerlukan pekerja yang mahir untuk memperbaiki segala masalah yang akan berlaku terhadap aplikasi mudah alih ini.

5.4 CADANGAN

Dengan adanya projek ini di Malaysia, kami percaya bahawa ramai penghantar makanan dan barangan akan menggunakannya kerana aplikasi mudah alih ini dapat digunakan dengan mudah dan cepat. Oleh sebab itu, kami percaya dan berharap projek ini akan diperluaskan lagi. Walaupun projek ini nampak biasa tetapi ianya memberi kesan yang tinggi kepada penggunanya seperti penghantar barangan dan makanan dari syarikat Foodpanda, Grab Food dan lain-lain lagi.

Sehubungan dengan itu, kami berharap dengan terciptanya inovasi ini dapat menarik lebih banyak syarikat yang menjalankan perkhidmatan penghantaran barangan dan makanan untuk menggunakan aplikasi mudah alih ini. Inovasi ini bukan sahaja dapat memenuhi keperluan kita sebagai pelanggan bahkan dapat meringankan beban semua penghantar barangan dan makanan.

Dengan ini, ianya bukan sahaja dapat membantu penghantar barangan dan makanan bahkan dapat membantu meningkatkan pendapatan mekanik-mekanik yang

terdapat di Malaysia. Kami berharap pada masa akan datang projek tersebut dapat dinaiktaraf dari segi kualitinya.

TOWS

<p>SO - STRENGTHS/OPPORTUNITIES</p>	<p>Aplikasi mudah alih “<i>The World Mechanic</i>” ini mampu untuk mengurangkan beban penggunaanya kerana penghantar barangan dan makanan tidak perlu bersusah payah mencari bengkel di sekitar tempat motosikal mereka mengalami kerosakan.</p>
<p>ST- STRENGTHS/THREATS</p>	<p>“<i>The World Mechanic</i>” ini juga mampu meningkatkan keuntungan kepada semua pihak yang berkaitan seperti mekanik , syarikat-syarikat dan juga pekerja mereka iaitu penghantar barangan dan makanan yang menggunakan aplikasi mudah alih kami ini kerana dengan adanya aplikasi mudah alih ini, mekanik yang mahir dapat menyelesaikan masalah kerosakan pada motosikal penghantar barangan dan makanan dengan cepat. Maka mereka dapat menghantar pesanan kepada pelanggan pada masa yang ditetapkan dan pelanggan akan berpuas hati dengan servis yang ditawarkan oleh syarikat tersebut. Dengan ini, berkemungkinan pelanggan akan menggunakan lagi perkhidmatan dari syarikat tersebut pada masa akan datang.</p>

<p>WO - WEAKNESS/OPPORTUNITIES</p>	<p><i>“The World Mechanic”</i> tidak mempunyai reka bentuk dalaman yang menarik, tetapi aplikasi mudah alih ini menjanjikan untuk memberikan perkhidmatan membaiki motosikal pengguna dengan cepat dan cekap.</p>
<p>WT - WEAKNESS/THREATS</p>	<p>Aplikasi mudah alih ini tidak mempunyai kualiti yang tinggi seperti aplikasi-aplikasi popular dan hebat yang terdapat di dalam <i>“Play Store”</i> kerana aplikasi mudah alih ini masih baru lagi di dalam Malaysia.</p>

5.5 RUMUSAN BAB

Pada bab ini kami telah memberikan cadangan dan menerangkan permasalahan yang dihadapi ketika proses menghasilkan projek ini. Dalam ketika penghantar barangan dan makanan melakukan pekerjaan mereka, keselamatan mereka di jalan raya merupakan salah satu aspek penting dalam pekerjaan. Setiap pengguna haruslah memahami betapa pentingnya keselamatan kerja. Pelaksanaan keamanan kerja haruslah memenuhi sasaran iaitu untuk mencegah berlakunya kecelakaan dan kemalangan di jalan raya semasa mereka sedang melakukan penghantaran barangan dan makanan. Setiap projek yang dibangunkan mempunyai kepentingan dan objektifnya yang tersendiri, begitu juga projek membina aplikasi mudah alih untuk memanggil mekanik yang bernama “ The World Mechanic” kami. Kami berjaya mencapai objektif projek ini walaupun pada awalnya terdapat sedikit kekurangan. Berdasarkan kesimpulan yang telah dibuat, kita dapat melihat projek ini dapat diterima baik oleh para penghantar barangan dan makanan. Ini kerana, keperluan mereka telah kami penuhi malah meringankan lagi beban mereka. Oleh itu, kami berharap projek ini dapat diteruskan agar dapat diterima semua pengguna serta

mendapat komersial secara meluas. Dengan ini, marilah bersama kita membantu untuk membangunkan ekonomi Malaysia dengan penghasilan inovasi yang lebih hebat.